

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 52

Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Selena Trading pada 31 Oktober 2015 adalah seperti berikut:

	RM
Modal	2,500
Inventori	1,500
Untung bersih	430
Bank	480
Sewa belum bayar	120
Akaun belum terima	780
Akaun belum bayar	400
Peralatan	590
Tunai	100

Urus-urus niaga bagi bulan November adalah seperti diberikan di bawah:

- (a) Belian kredit RM450.
- (b) Bayar dengan cek untuk sewa belum bayar RM50 dan belanja am RM60.
- (c) Seorang akaun belum terima telah dikenalpasti sebagai muflis dan baki akaunnya sebanyak RM130 perlu dihapuskan.
- (d) Ambilan barang niaga RM100.
- (e) Jualan barang niaga secara kredit RM340. Kos barang dijual ialah RM250.
- (f) Peralatan disusutnilaikan sebanyak RM50.
- (g) Inventori awal dilebihnyatakan sebanyak RM100.

Dikehendaki:

Sediakan penyata kedudukan kewangan bagi Selena Trading padat 30 November 2015 selepas mengakaunkan semua urus niaga yang diberikan di atas.